

13/06/2004

Jangan ketepi Bumiputera (HL)

By Zainudin Isa

MARAN: Datuk Seri Najib Razak mahu konglomerat dan firma antarabangsa milik bukan Bumiputera bersikap adil dengan memberi Bumiputera peluang menyandang jawatan kanan termasuk Ketua Pegawai Eksekutif (CEO).

Timbalan Perdana Menteri berkata, pengambilan Bumiputera bagi menerajui syarikat milik bukan Bumiputera juga selari dengan hasrat kerajaan untuk memperkukuhkan semangat muhibah antara kaum.

"Pada saya, kita nak ada semangat muhibah dan kita nak muhibah bukan dalam bidang tertentu saja, atau bukan saja tanggungjawab kerajaan untuk memperkasakan hubungan antara kaum, tapi sektor swasta juga perlu memainkan peranan.

"Malah, sektor swasta mendapat manfaat besar kalau negara kita aman dan stabil dengan rakyatnya bersatu padu," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan geran hak milik tanah kepada peneroka Felda Jengka 19 di sini, semalam.

Najib berkata demikian ketika mengulas saranan Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, agar konglomerat dan firma antarabangsa milik bukan Bumiputera memberi peluang kepada Bumiputera berkelayakan untuk menyandang jawatan kanan, termasuk CEO.

Pada majlis jamuan Kelab Perniagaan Kuala Lumpur di Kuala Lumpur, kelmarin, Nor Mohamed menghuraikan dengan panjang lebar perihal 'tokenisme' yang diamalkan kebanyakan konglomerat dan firma antarabangsa milik bukan Bumiputera di negara ini dalam pengambilan Bumiputera berkelayakan untuk menyandang jawatan kanan.

Nor Mohamed berkata, seperti kerajaan memberi peluang kepada bukan Bumiputera untuk menerajui syarikat berkaitan kerajaan (GLC), firma bukan milik Bumiputera juga harus memberi laluan kepada Bumiputera untuk mengisi jawatan tertingginya dan bukan hanya sekadar untuk memenuhi kuota Bumiputera.

Najib menjelaskan kerajaan bukan meminta konglomerat dan firma antarabangsa milik bukan Bumiputera mengambil Bumiputera yang tidak cekap.

Sebaliknya, kata beliau, kini sudah ramai Bumiputera yang cukup berwibawa, berkelulusan dan berpengalaman tinggi untuk menerajui syarikat antarabangsa.

"Malah, kebanyakan mereka mendapat pekerjaan dalam syarikat multinasional di Malaysia dan luar negara.

"Jadi, apa salahnya mereka ini diberi jawatan oleh syarikat hak milik bukan Bumiputera di mana pelantikan mereka itu memberi nilai tambah dalam syarikat terbabit," katanya.

Mengenai isu pemberian kayu bergergaji oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe, Najib menjelaskan perkara itu tidak menjadi kesalahan kerana ia bukan digunakan untuk tujuan peribadi tapi institusi negara itu.

"Saya tak nampak apa-apa kesalahan kerana pada masa itu ada pertimbangan tertentu dibuat dan ia untuk kediaman rasmi, bukannya rumah peribadi," katanya.

Ditanya laporan media Barat yang cuba memperbesar-besarkan perkara itu bagi menjatuhkan imej Malaysia dan hubungan baik dengan negara Afrika, beliau berkata, sehingga kini hubungan negara ini dengan negara Afrika cukup akrab.

"Ya, kita boleh andaikan macam-macam mengenainya, tapi hubungan kita dengan negara Afrika cukup baik hasil usaha yang dilakukan kepimpinan

negara masa itu.

"Banyak juga syarikat Malaysia yang mendapat faedah hasil hubungan akrab ini dan sehingga hari ini pun, mereka dapat menjalankan pelbagai perniagaan," katanya.

Mengenai isu graduan perubatan lulusan Jepun yang mendapat tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), tetapi tidak diiktiraf Majlis Perubatan Malaysia (MMC), Najib berkata, kerajaan akan mencari jalan bagi menyelesaikannya.

"Kita kena betulkan dan kita kena cari jalan bagaimana mereka boleh mencari pekerjaan. Saya percaya tindakan susulan sedang diambil pihak berkaitan," katanya.

(END)